

**LAMPIRAN Q
(ARAHAN PERBENDAHARAAN 170)**

Bila menjawab, sila nyatakan
nombor ini

No. Sebut Harga
SH 42/2022

(Kew. 284-Pin. 5/94)

KERAJAAN MALAYSIA
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

SEBUT HARGA UNTUK BEKALAN / PERKHIDMATAN

Dokumen ini hendaklah disifatkan menjadi dan dibaca dan ditaksirkan sebagai sebahagian daripada Perjanjian Sebut Harga.

Kepada (Nama Syarikat)	Pelawaan sebut harga dikeluarkan oleh Kementerian/ Jabatan (Alamat Lengkap)
.....	URUSETIA PEROLEHAN,
.....	BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN,
No. Tel:	PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM,
No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan:	KOMPLEKS PEJABAT DAERAH SABAK BERNAM, 45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR
	No. Telefon: 03-3224 1963
	Tarikh : 8 November 2022

Kod bidang pendaftaran yang relevan dengan pembelian ini **010401 Papan Tanda Dan Aksesori**

1. Sila beri sebut harga untuk bekalan/perkhidmatan yang disenaraikan di bawah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan:
 - 1.1. Syarat penyerahan/penyempurnaan
 - 1) DIHANTAR MELALUI SERAHAN TANGAN / POS / KURIER OLEH PEMBEKAL KEPADA URUS SETIA
 - 2) DIHANTAR MELALUI EMEL : sbernam@selangor.gov.my / Faks 03-32242113
 - 1.2. Tarikh penyerahan/penyempurnaan dikehendaki **SEPERTI SPESIFIKASI YANG DITETAPKAN**

- 1.3 Arahan pengiriman PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM
- 1.4. Sebut Harga hendaklah dimasukkan ke dalam suatu sampul berlakri dan bertanda nombor sebut harga No. **Sebutharga: SH 42/2022**
- 1.5. Sebut harga yang lengkap perlu dihantar melalui pos berdaftar / kurier tidak lewat pada **jam 12.00 tengah hari 11 November 2021.**
- 1.6. Tempoh sah laku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.

Tarikh: 8/11/2022

Tandatangan: 

Nama Pegawai: ZAIN AZMI BIN MOHD NOR A.M.S
(Ketua Penolong Pegawai Daerah
(Bahagian Khidmat Pengurusan)
Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam

Jawatan:

Bil.	Perihal bekalan/ perkhidmatan dan Syarat- syarat khas	Unit Ukuran	Kuantiti/ Kekerapan	Kadar (RM)	Harga (RM)
Untuk diisi oleh Jabatan				Untuk di isi oleh Penyebutharga	
	<p>SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM TAHUN 2022</p> <p>Tarikh penyerahan/penyempurnaan ditawarkan</p> <p><u>Sebelum 7 Disember 2022</u></p> <p>* Sila sertakan sesalinan Sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan</p>		Merujuk kepada Jadual Spesifikasi Teknikal		
				JUMLAH	_____

- (i) Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- (ii) Tarikh penyerahan/penyempurnaan ialah pada **7 Disember 2022**

Saya/Kami dengan ini menawar untuk membekalkan bekalan/perkhidmatan di atas dengan harga dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas tertakluk kepada syarat-syarat di atas dan di belakang ini.

Tandatangan :

Penyebut Harga :

Nama dan K/P :

Alamat Syarikat :

Tarikh :

Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am Di Belakang

ISI KANDUNGAN**MUKA SURAT**

1.	Lampiran Q	- Sebut Harga untuk Bekalan/Perkhidmatan	1 - 3
2.	Senarai Semak		5
3.	Jadual 1	- Kenyataan Sebut Harga	6
4.	Jadual 2	- Arahan kepada Penyebut Harga	8- 14
5.	Lampiran A	- Syarat-syarat Am	15 - 18
6.	Lampiran B	- Syarat-syarat Khas	19 - 21
7.	Lampiran C	- Syarat-syarat Tambahan	22
8.	Lampiran D	- Keterangan Mengenai Penyebut Harga	23 - 24
9.	Lampiran E	- Surat Akuan Penyebut Harga	25 - 26
10.	Lampiran F	- Jadual Tawaran Harga	27
11.	Lampiran G	- Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal	28
12.	Lampiran H	- Jadual Pengalaman Kerja Pembekalan	29

SENARAI SEMAK

SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Sila Tandakan / bagi dokumen-dokumen yang disertakan

Bil.	Perkara/ Dokumen	Untuk Ditanda oleh Syarikat	Untuk Ditanda oleh Urus Setia
1	LAMPIRAN A1- Surat Akuan Pembida		
2	LAMPIRAN D - Keterangan Mengenai Penyebut Harga		
3	LAMPIRAN E- Surat Akuan Penyebut Harga		
4	LAMPIRAN F- Jadual Tawaran Harga		
5	LAMPIRAN G - Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal		
6	LAMPIRAN H – Jadual Pengalaman Kerja Pembekalan		
7	LAMPIRAN Q – Sebut Harga untuk Bekalan/Perkhidmatan		
8	Salinan sijil pendaftaran kod bidang dengan Kementerian Kewangan		
9	Salinan Penyata Akaun bank untuk 3 bulan terkini yang telah disahkan oleh pihak bank		
10	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Borang 9,24 dan 49 (berdaftar sebelum 31 Januari 2017) atau Seksyen 14,17, 58 dan 78 (berdaftar selepas 31 Januari 2017) untuk Syarikat berstatus Sendirian Berhad		
11	Salinan Sijil Pendaftaran dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor		
12	Brosur/Gambar Peralatan yang ditawarkan		

PENGESAHAN OLEH SYARIKAT

Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.

Tandatangan:

Nama:

Jawatan:

Tarikh:

KENYATAAN SEBUTHARGA

JADUAL 1

**PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM
KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia dalam kod bidang seperti di bawah bagi menyertai Sebut Harga berikut:

No./ Tajuk Sebut Harga	Kod Bidang Pendaftaran	Tarikh Tutup Sebut Harga
<p align="center">SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH TAHUN 2022</p>	<p align="center">010401 – PAPAN TANDA DAN AKSESORI</p>	<p align="center">12.00 TENGAH HARI 11 NOVEMBER 2022 (JUMAAT)</p>

2. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi secara atas talian melalui laman web:
<https://tender.selangor.my> / sbernam@selangor.gov.my
3. Tawaran Sebut Harga hendaklah **dibuat berdasarkan kepada spesifikasi bekalan/perkhidmatan di Lampiran G yang disertakan.**
4. Dokumen/ tawaran Sebut Harga yang lengkap perlu dihantar melalui serahan tangan / pos berdaftar / kurier ke alamat berikut :
- i. Urusetia Sebut Harga
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam,
45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR.
(u.p : **Encik Abdul Rahman bin Abdul Rahim / Puan Junaidah binti Juhari**)
 - ii. Emel : sbernam@selangor.gov.my
 - iii. Faks : 03-32242113
5. Penyebut Harga yang menggunakan perkhidmatan pos berdaftar / kurier untuk menghantar Sebut Harga, hendaklah memastikan dokumen tersebut selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada Tarikh Tutup Sebut Harga selewat-lewatnya pada pukul 12.00 tengahari. Sebarang kelewatan yang timbul dalam urusan tersebut tidak akan dilayan.

ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA

JADUAL 2

**ARAHAN KEPADA PENYEBUT HARGA
NO. SEBUTHARGA: SH 42/2022**

**SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI PEJABAT
DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM**

1. PERIHAL SEBUT HARGA

- 1.1 Sebut Harga Perolehan Bekalan Papan Tanda Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam Tahun 2022.
- 1.2 Objektif perolehan ini adalah bagi membekal papan tanda notis bagi kegunaan Unit Penguatkuasa di Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam.
- 1.3 Sebut Harga ini adalah tertakluk kepada Arahan-arahan, Syarat-Syarat Am, Syarat-Syarat Khas dan Syarat-Syarat Tambahan yang ditetapkan.

2. DOKUMEN SEBUT HARGA

- 2.1. Sebut Harga hendaklah dibuat di atas borang-borang yang telah disediakan dan selepas ini dipanggil dokumen Sebut Harga. Dokumen Sebut Harga yang lengkap adalah mengandungi perkara-perkara berikut:
 - i. Kenyataan Tawaran (**Jadual 1**)
 - ii. Arahan Kepada Penyebut Harga (**Jadual 2**)
 - iii. Syarat-syarat Am (**Lampiran A**)
 - iv. Lampiran Akuan Pembida (**Lampiran A1**)
(Wakil syarikat yang menandatangani Surat Akuan Pembida hendaklah juga melampirkan **Surat Perwakilan Kuasa** menandatangani bagi pihak syarikat).
 - v. Syarat-syarat Khas (**Lampiran B**)
 - vi. Syarat-syarat Tambahan (**Lampiran C**)
 - vii. Keterangan Mengenai Penyebut Harga (**Lampiran D**)
 - viii. Surat Akuan Penyebut Harga (**Lampiran E**)
 - ix. Jadual Tawaran Harga (**Lampiran F**)
 - x. Jadual Pematuhan Spesifikasi (**Lampiran G**)
 - xi. Senarai Pengalaman (**Lampiran H**)

3. CARA-CARA MENGISI BORANG SEBUT HARGA

- 3.1. Penyebut Harga hendaklah membaca arahan-arahan dan syarat-syarat dalam dokumen Sebut Harga serta menyemak kandungan dokumen Sebut Harga dengan teliti sebelum mengisi borang-borang Sebut Harga.
- 3.2. Borang Sebut Harga hendaklah diisi dengan lengkap dan jelas mengikut ruangan-ruangan yang disediakan. Borang-borang tersebut hendaklah ditaip.
- 3.3. Setiap pembetulan atau pindaan yang dibuat hendaklah ditandatangani ringkas dan dicop dengan cop rasmi syarikat setentang dengan pembetulan atau pindaan tersebut.
- 3.4. Borang-Borang Yang Perlu Diisi
 - 3.4.1 Surat Akuan Pembida (Lampiran A1)
 - 3.4.2 Borang Keterangan Mengenai Penyebut Harga (**Lampiran D**)
 - i. **Nama Penyebut Harga** : Nama Syarikat seperti yang didaftarkan dengan Kementerian Kewangan.
 - ii. **Alamat Perniagaan** : Alamat yang betul di mana penyebut harga boleh dihubungi melalui surat. Penyebut Harga hendaklah memaklumkan kepada PDTSB jika berlaku pertukaran alamat.
 - iii. **No. Telefon / Telefon Bimbit / Fax** : Perlu dinyatakan untuk dihubungi.
 - iv. **Taraf Penyebut Harga** : Nyatakan sama ada taraf Bumiputera atau bukan Bumiputera. Sila sertakan salinan sijil pengesahan taraf Bumiputera oleh Kementerian Kewangan. Ketiadaan sijil tersebut menyebabkan Penyebut Harga akan ditakrif sebagai bukan Bumiputera.
 - v. **Modal Syarikat** : Jika bukan Syarikat Sdn. Bhd. atau Berhad nyatakan modal terkumpul iaitu daripada punca-punca seperti wang simpanan, saham dan pinjaman bank.
 - vi. **Pengalaman** : Penyebut Harga hendaklah mengisi borang di (Lampiran H) dengan menyatakan pengalaman dalam bidang perkhidmatan berkenaan (jika ada).

3.4.3 Surat Akuan Penyebut Harga (**Lampiran E**)

Penyebut Harga adalah dikehendaki mengisi dan menandatangani borang ini. Sekiranya borang ini tidak diisi dan ditandatangani tawaran Penyebut Harga menjadi tidak sah/laku dan dengan sendirinya tertolak. Kadar harga yang dalam borang **Lampiran E** dicatatkan mestilah sama dengan kadar harga di **Lampiran F** dan **Lampiran Q**.

3.4.4 Jadual Tawaran Harga (**Lampiran F**)

- i. Borang ini perlu ditandatangani dan dicop oleh orang yang diberikuasa oleh syarikat sebagai Penyebut Harga. Borang yang tidak bertandatangan dan bercop adalah tidak sah/laku dan akan ditolak.
- ii. Borang ini perlu diisi dengan lengkap dan dikembalikan.
- iii. Kadar harga yang ditawarkan dalam Jadual Harga di **Lampiran F** adalah hasil daripada perkiraan yang dibuat berdasarkan item-item yang terkandung dalam Lampiran ini. Semua item yang disenaraikan dalam Lampiran ini perlu diisi. Jika terdapat item yang tidak dikenakan bayaran, maka Penyebut Harga perlu menyatakannya sebagai "tidak dikenakan bayaran bagi item ini". Pihak Urus setia akan membuat perkiraan semula ke atas perkiraan ini dan sekiranya jumlah yang dikira semula berbeza dengan jumlah yang dibuat oleh Penyebut Harga maka kadar harga yang akan diambil kira adalah pada borang di **Lampiran E**.

3.4.5 Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal (**Lampiran G**)

3.4.6 Jadual Pengalaman Kerja Pembekalan (**Lampiran H**)

Jadual ini perlu disertakan dalam kedua-dua sampul Teknikal dan Kewangan

3.4.7 **Lampiran Q**

Harga yang dicatatkan perlu sama dengan kadar harga di **Lampiran E** dan **F**

- 3.4.8 Penyebut Harga tidak dibenarkan menulis nama syarikat pada setiap dokumen yang dikemukakan di dalam 'Sampul Teknikal'. Urusetia Perolehan berhak untuk menolak dokumen sebut harga yang dikemukakan jika peraturan tidak dipatuhi.

4. PEMBETULAN DAN PINDAAN KESILAPAN

Semua pembetulan/pindaan ke atas kesilapan-kesilapan yang dibuat terutamanya dalam Jadual Harga dan Surat Akuan Penyebut Harga hendaklah ditandatangani ringkas oleh orang yang menandatangani dokumen Sebut Harga serta dicopkan dengan cop Penyebut Harga (syarikat). Tandatangan ringkas ini hendaklah dibuat setentangan dengan kesilapan yang dibetulkan/dipinda. Pembetulan/pindaan hendaklah dibuat dengan jelas supaya mudah dibaca.

5. PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN

- 5.1 Sebarang perbuatan atau percubaan rasuah untuk menawar atau memberi, meminta atau menerima apa-apa suapan secara rasuah kepada dan daripada mana-mana orang berkaitan perolehan ini merupakan suatu kesalahan jenayah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.2 Sekiranya mana-mana pihak ada menawar atau memberi apa-apa suapan kepada mana-mana anggota pentadbiran awam, maka pihak yang ditawarkan atau diberi suapan dikehendaki membuat aduan dengan segera ke pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia atau Balai Polis berhampiran. Kegagalan berbuat demikian adalah merupakan suatu kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.3 Tanpa prejudis kepada tindakan-tindakan lain, tindakan tatatertib terhadap anggota perkhidmatan awam dan menyenaraihitamkan kontraktor atau penyebut harga boleh diambil sekiranya pihak-pihak terlibat dengan kesalahan rasuah di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).
- 5.4 Mana-mana kontraktor atau penyebut harga yang membuat tuntutan bayaran berkaitan perolehan ini walaupun tiada kerja dibuat atau tiada barangan dibekal mengikut spesifikasi yang ditetapkan atau tiada perkhidmatan diberi dan mana-mana anggota perkhidmatan awam yang mengesahkan tuntutan berkenaan adalah melakukan kesalahan di bawah Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694).

6. PENGHANTARAN DOKUMEN SEBUT HARGA

- 6.1 Borang-borang yang perlu dikembalikan hendaklah mengandungi dan disertakan perkara-perkara berikut:

SAMPUL KEWANGAN

- a) **Lampiran Q**
- b) **Lampiran Akuan Pembida (Lampiran A1)**
- c) **Surat Akuan Penyebut Harga (Lampiran B)**
- d) **Jadual Tawaran Harga (Lampiran C)**
- e) **Keterangan Mengenai Penyebutharga (Lampiran D)**
- f) **Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) atau Borang 9,24 dan 49 (berdaftar sebelum 31 Januari 2017) atau Seksyen 14,17, 58 dan 78 (berdaftar selepas 31 Januari 2017) untuk Syarikat berstatus Sendirian Berhad**
- g) **Salinan Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan**
- h) **Sijil Akuan Bumiputera (Jika berkaitan)**
- i) **Salinan Sijil Pendaftaran dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) Selangor**
- j) **Salinan Penyata Akaun Bank untuk 3 bulan terkini yang telah disahkan oleh pihak bank**

SAMPUL TEKNIKAL

- a) **Jadual Pematuhan Spesifikasi Teknikal (Lampiran G)**
- b) **Jadual Pengalaman Kerja Pembekalan (Lampiran H)**
- c) **Brosur/Gambar Peralatan yang ditawarkan dengan spesifikasi penawaran yang jelas**

- 6.2 Setiap sampul hendaklah ditandakan di hujung penjuru kanan dengan 'SAMPUL TEKNIKAL' atau 'SAMPUL KEWANGAN' dan kedua-dua sampul hendaklah ditandakan dengan No. Sebut Harga **SH 42/2022** dan **DIMASUKKAN KEDALAM SATU SAMPUL BESAR** yang ditandakan di hujung penjuru kanan sebagai **SH 42/2022** dan dialamatkan kepada :

Urusetia Sebut Harga
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam,
45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR.

- 6.3 Setiap sampul dokumen/ tawaran Sebut Harga yang lengkap perlu dihantar melalui serahan tangan / pos berdaftar / kurier ke Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam.
- 6.4 Penyebut Harga menanggung sendiri semua kos yang terlibat berhubung dengan Sebut Harga yang disertainya.
- 6.5 Penyebut Harga juga diingatkan agar menghantar dokumen Sebut Harga yang lengkap **sebelum atau pada jam 12.00 tengahari (tarikh sebut harga ditutup)**. Penghantaran yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.
- 6.6 PDTSB tidak bertanggungjawab di atas sebarang kos yang terlibat oleh Penyebut Harga sekiranya Sebut Harga ini dibatalkan.

7. URUSAN PERTANYAAN SEBUTHARGA

Sebarang pertanyaan mengenai urusan Sebut Harga boleh dikemukakan kepada:

Encik Abdul Rahman bin Abdul Rahim - 03-3224 1963 ext 1003

Puan Junaidah binti Juhari - 03-3224 1963 ext 1006

Emel: rahman.rahim@selangor.gov.my / junaidahjuhari@selangor.gov.my

SYARAT-SYARAT AM

Penyebut Harga dikehendaki mematuhi sepenuhnya Syarat-syarat Am Sebut Harga apabila menyertai Sebut Harga ini. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di bawah ini membolehkan Sebut Harga yang dikemukakan oleh Penyebut Harga ditolak.

1 KELAYAKAN MEMASUKI SEBUT HARGA

Pembekal yang menyertai Sebut Harga ini mestilah terlebih dahulu berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia, bertaraf Bumiputera/Bukan Bumiputera dalam bidang Bekalan Peralatan di bawah **Kod Bidang 010401** serta masih sah pendaftarannya semasa syarikat yang berjaya memulakan kerja-kerja kontrak. Salinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan hendaklah disertakan bersama-sama dengan dokumen Sebut Harga. Jika tempoh pendaftaran telah atau hampir tamat, Penyebut Harga hendaklah mengemukakan salinan surat daripada Kementerian Kewangan yang menyatakan bahawa permohonan untuk lanjutan/pembaharuan tempoh pendaftaran telah dibuat. Sebarang pindaan yang dibuat ke atas mana-mana ruangan mestilah dipotong dan ditandatangani ringkas setentang dengan apa-apa perubahan yang dibuat.

2 HARGA TAWARAN

Harga-harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah tetap dan tidak boleh dipinda selepas Sebut Harga ini ditutup dan akan berkuatkuasa selama dalam tempoh sahlaku Sebut Harga iaitu **90 hari**.

3 SPESIFIKASI, SKOP DAN STANDARD KUALITI KERJA

- 3.1 Penyebut Harga adalah dinasihatkan membaca dengan teliti spesifikasi, skop dan standard kualiti kerja bagi Sebutharga Perolehan Penyaman Udara Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam Di Dalam **Lampiran G** supaya tidak timbul masalah kesilapan dalam meletak harga.
- 3.2 Sebutharga Perolehan Penyaman Udara Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam akan dilaksanakan mengikut spesifikasi, skop kerja dan "*standard*" kualiti kerja yang dinyatakan dalam **Lampiran G**.

4 PENERIMAAN DAN PENOLAKAN SEBUT HARGA

- 4.1 Penyebut Harga yang menawarkan pembekalan peralatan yang tidak menepati spesifikasi teknikal yang dipersetujui akan ditolak pembekalannya dan kerajaan tidak akan menanggung / menggantikan segala kerugian akibat dari bekalan tersebut.

5 TEMPOH SAHLAKU SEBUT HARGA

Tempoh sahlaku Sebut Harga ini adalah selama **90 hari** bermula daripada tarikh Sebut Harga ditutup.

6 SETUJU TERIMA SEBUT HARGA

Kerajaan tidak terikat untuk menerima Sebut Harga yang terendah atau mana-mana Sebut Harga jua pun. Keputusan adalah muktamad dan Kerajaan tidak akan melayan sebarang surat menyurat yang berupa rayuan daripada Penyebut Harga berhubung sebab-sebab Penyebut Harga tidak berjaya.

7 PERUBAHAN SYARAT-SYARAT

- 7.1 Kerajaan sentiasa berhak mengubah daripada semasa ke semasa syarat-syarat yang dinyatakan dan mulai daripada tarikh yang dinyatakan oleh Kerajaan, peralatan yang dikehendaki itu hendaklah mengikut perubahan-perubahan tersebut.
- 7.2 Sekiranya sesuatu perubahan itu menyebabkan perubahan perbelanjaan bagi pengeluaran, maka harga peralatan yang terlibat dengan perubahan itu hendaklah dibuat dengan persetujuan kedua-dua pihak secara bertulis.

8 TEMPOH PEMBEKALAN

Tempoh pembekalan bagi setiap jenis peralatan adalah seperti di **Lampiran Q**.

9 PENAMATAN PERSETUJUAN

- 9.1 Dengan memberi notis bertulis kepada Penyebut Harga dan dengan tiada apa-apa tindakan selanjutnya Kerajaan boleh terus menamatkan persetujuan;
- 9.1.1 Jika Penyebut Harga melakukan pelanggaran terhadap mana-mana syarat yang terdapat dalam persetujuan ini;

9.1.2 Jika Penyebut Harga Kontraktor itu sebagai orang perseorangan atau, apabila Kontraktor itu adalah satu firma, mana-mana pekongsi firma itu pada bila-bila masa menjadi bankrap, atau suatu perintah terhadapnya atau perintah pentadbiran dibuat terhadapnya atau membuat suatu penyelesaian atau perkiraan dengan atau bagi faedah sipiutang-sipiutang, atau jika Kontraktor itu adalah syarikat, meluluskan suatu perintah bahawa syarikat itu digantung (bukan suatu penggulangan ahli bagi maksud penyusunan atau penyatuan) atau pengurusan bagi pihak seseorang sipiutang dilantik atau jika timbul keadaan-keadaan yang memberi hak kepada mahkamah membuat sesuatu perintah penggulangan.

Atau

Jika Kerajaan mempunyai sebab bagi mempercayai bahawa Penyebut Harga atau sesiapa yang diambil bekerja olehnya atau bertindak bagi pihaknya (sama ada dengan atau di luar pengetahuan Penyebut Harga) melakukan perbuatan rasuah. Dengan sentiasa bersyarat bahawa penamatan Persetujuan ini tidak menyentuh hak-hak Kerajaan untuk mendapatkan balik ganti rosak.

10 PERTIKAIAN

Apa-apa pertikaian yang terbit di antara Kerajaan dengan Kontraktor mengenai pentafsiran, pengertian atau kuatkuasa persetujuan, atau hak dan tanggungan pihak-pihak di dalamnya atau apa-apa perkara yang terbit daripadanya atau yang berhubung dengannya hendaklah kecuali selainnya dipersetujui dengan tertentu dengan bertulis di antara Kerajaan dengan Kontraktor, dirujuk kepada pertimbangan dua orang, seorang dilantik oleh Kerajaan dan seorang oleh Kontraktor. Tiap-tiap seorang yang dilantik itu hendaklah bebas daripada pihak-pihak yang membuat persetujuan ini.

11 IKLAN

Tiada maklumat mengenai kontrak ini boleh disiarkan di dalam sebarang akhbar, majalah atau media pengiklanan yang terkini melainkan jika pengiklanan itu telah diluluskan oleh kerajaan terlebih dahulu.

SURAT AKUAN PEMBIDA

Sebut Harga: SH 42/2022

SEBUT HARGA PERKHIDMATAN PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Saya,.....nombor K.P
yang mewakili nombor Pendaftaran
..... dengan ini mengisytiharkan bahawa saya atau mana-
mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada
mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam** atau atau mana-
mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga* seperti di atas.
Bersama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat
di atas untuk membuat pengisytiharan ini.

2. Sekiranya saya, atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati cuba
menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam **Pejabat Daerah dan
Tanah Sabak Bernam** atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam
tender /sebut harga* seperti di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-
tindakan berikut diambil:

- 2.1 Penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; atau
- 2.2 Penamatan kontrak bagi tender/sebut harga* di atas; dan
- 2.3 Lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan yang
berkuat-kuasa

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau
mana- mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih
dalam tender/sebut harga* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera
melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
(SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

.....

(Nama dan No. KP)

Cop Syarikat:

- Catatan:
- i) *Potong mana yang tidak berkenaan.
 - ii) Surat akuan ini hendaklah dikemukakan bersama Surat Perwakilan Kuasa

SYARAT-SYARAT KHAS

1. SPESIFIKASI TEKNIKAL

- 1.1 PDTSB boleh mengubah penentuan spesifikasi dan pembekalan yang ditawarkan jika perlu. Perubahan spesifikasi ini akan dimaklumkan kepada Penyebut Harga melalui laman web tender Selangor sekiranya ada.
- 1.2 PDTSB tidak akan bertanggungjawab terhadap apa juga kelewatan untuk membuat cadangan spesifikasi teknikal & harga serta kelewatan menghantar dokumen sokongan Penyebut Harga.

2. HARGA TAWARAN

- 2.1 Harga yang ditawarkan adalah harga tetap dan harga bersih dan dalam Ringgit Malaysia (RM) sahaja dan ia hendaklah termasuk semua kos menghantar memunggah, mengangkut dan membungkus.
- 2.2 Penilaian harga antara Penyebut Harga adalah berasaskan kepada jumlah harga keseluruhan. Sekiranya timbul masalah berhubung pengiraan harga, harga seunit tiap-tiap item akan diambil kira. Jika terdapat perbezaan jumlah dalam bentuk angka dan perkataan, **jumlah dalam bentuk perkataan akan diambil kira.**

3. BARANGAN

- 3.1 Semua barangan hendaklah **tulen, baru dan belum digunakan.**
- 3.2 Spesifikasi Peralatan hendaklah merujuk kepada **Lampiran G**
- 3.3 Kerajaan adalah sentiasa berhak mengkehendaki barang-barang itu, diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa sama pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
- 3.4 Penyebut Harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 3.5 Kualiti peralatan perlu kekal baik untuk digunakan sepanjang tempoh sewaan. Peralatan yang bermasalah / rosak hendaklah diganti oleh syarikat tanpa sebarang kos. Bagi peralatan yang mempunyai tempoh jaminan daripada syarikat pengeluar barangan, tempoh jaminan adalah mengikut tempoh yang diberikan oleh syarikat pengeluar tersebut.

- 3.6 Penyebut Harga dikehendaki memperakui bahawa barang-barang perkhidmatan yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan piawai (jika ada) yang dinyatakan dalam pelawaan ini.
- 3.7 Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui (tidak mengikut spesifikasi), tawarannya boleh ditolak dan tidak akan dipertimbangkan.
- 3.8 Perbelanjaan yang dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu hendaklah ditanggung oleh Penyebut Harga tanpa melibatkan sebarang kos oleh PDTSB.

4. JADUAL PENGHANTARAN

- 4.1 Penyebut Harga yang berjaya **WAJIB** membuat penghantaran ke **PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM** seperti yang akan diberikan oleh PDTSB selepas Surat Setuju Terima ditandatangani. Kerajaan berhak ke atas penghantaran berdasarkan permintaan yang munasabah dan bagi kes-kes kecemasan.
- 4.2 PDTSB adalah sentiasa berhak untuk menangguhkan atau mempercepatkan jadual penghantaran tersebut bagi memenuhi keperluan semasa.
- 4.3 Penyebut Harga yang berjaya perlu menyediakan dan menanggung risiko kos barang tersebut, buruh, pengangkutan dan segala yang perlu bagi membekal dan menghantar barang tersebut ke Alamat Penerima .
- 4.4 Penyebut Harga adalah bertanggungjawab ke atas sebarang kesukaran atau kerosakan yang timbul akibat dari penggunaan barangan yang dibekalkan yang tidak mengikut spesifikasi dan menanggung semua kos yang terlibat

5. PEMBAYARAN

Pembayaran akan dibuat dalam Ringgit Malaysia (RM). Pembayaran akan dibuat di setiap peringkat berdasarkan amaun yang ditetapkan di Jadual Harga setelah pembekal membekal dan menghantar sepenuhnya kuantiti yang dikehendaki di peringkat penghantaran tersebut.

6. SURAT SETUJU TERIMA

Surat Setuju Terima (SST) akan dihantar oleh PDTSB kepada Penyebut Harga yang berjaya dan Surat Perakuan Penyebut Harga ke atas Surat Setuju Terima Sebut Harga itu akan dianggap sebagai kontrak yang mengikat di antara PDTSB dan Penyebut Harga tanpa mengambil kira sama ada kontrak sebenar akan disempurnakan atau tidak.

7. HAK KERAJAAN MENERIMA ATAU MENOLAK DOKUMEN SEBUT HARGA

- 7.1 Kerajaan berhak menerima atau menolak mana-mana dokumen Sebut Harga dan membatalkan proses Sebut Harga dan menolak semua Dokumen Sebut Harga pada bila-bila masa sebelum kontrak diberikan tanpa melibatkan apa-apa tanggungan kepada Penyebut Harga yang terlibat atau tanpa memerlukan pihak Kerajaan untuk memaklumkan sebab-sebab demikian kepada Penyebut Harga yang terlibat.
- 7.2 Pihak Kerajaan adalah berhak mempersetujui nilai Sebut Harga sama ada kesemuanya atau sebahagian daripadanya serta menambah atau mengurangkan kuantiti barangan Sebut Harga.
- 7.3 Pertimbangan Sebut Harga ini adalah berasaskan tawaran teknikal, tawaran harga dan keupayaan sebut harga serta lain-lain faktor yang difikirkan sesuai seperti berikut:
 - a) Kerajaan Tidak Terikat Untuk Menawarkan Kontrak Kepada Penyebut Harga yang menawarkan harga terendah;
 - b) Keputusan Kerajaan adalah muktamad;
 - c) Kerajaan berhak memilih lebih dari satu Pembekal;
 - d) Kerajaan juga berhak mengubah spesifikasi Sebut Harga jika perlu;
 - e) Kerajaan berhak sama ada mempersetujui kesemua tawaran Sebut Harga atau sebahagiannya;
 - f) Kerajaan tidak memerlukan untuk memberi sebab penolakan mana-mana Sebut Harga; dan
 - g) Sebarang surat menyurat mengenai keputusan Sebut Harga tidak akan dilayan.

8. MODAL PUSINGAN

Kontraktor yang berminat mestilah mempunyai kemampuan kewangan dari segi modal pusingan, *net worth*, kemudahan kredit, nilai baki kerja dalam tangan yang belum siap dan sebagainya.

SYARAT-SYARAT TAMBAHAN

Syarat-syarat tambahan ini adalah menjadi sebahagian daripada syarat-syarat kontrak.

1. Penyebut Harga jika berjaya adalah dikehendaki berbincang dengan pihak PDTSB untuk :
 - i. Mengatur penghantaran barangan;
 - ii. Taklimat mengenai peraturan-peraturan PDTSB, dan
 - iii. Lain-lain perkara yang berkaitan

2. PDTSB atau wakil-wakilnya adalah sentiasa berhak untuk memeriksa kerja-kerja yang sedang dilaksanakan. Penyebut Harga dikehendaki memberi kerjasama dan kemudahan kepada PDTSB dan wakil-wakilnya untuk menilai serta memeriksa kerja-kerja yang sedang dijalankan.

3. Pihak PDTSB berhak pada bila-bila masa menamatkan perkhidmatan ini di antara Penyebut Harga dan Kerajaan Malaysia sekiranya didapati perkhidmatan yang diberi oleh Penyebut Harga tidak memuaskan atau melanggar syarat-syarat sebutharga/perjanjian.

KETERANGAN MENGENAI PENYEBUT HARGA

1. NAMA PENYEBUT HARGA:
(Syarikat)

2. ALAMAT PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____

ii. Cawangan : _____

3. TELEFON PENYEBUT HARGA:

i. Ibu Pejabat : _____
ii. Telefon Bimbit : _____
iii. Faks : _____
iv. Cawangan : _____

4. PENDAFTARAN DENGAN KEMENTERIAN KEWANGAN

i. Sijil Pendaftaran Perniagaan dari SSM / Sijil Akuan Pendaftaran dari Kementerian Kewangan Malaysia

ii. Sijil Pendaftaran Kod Bidang Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)

iii. Sijil Akuan Bumiputera/Bukan Bumiputera dari Kementerian Kewangan

5. BUTIR-BUTIR PEMILIKAN (OWNERSHIP)

5.1. Perseorangan:

Nama Pemilik: _____

No. K/P: _____

5.2. Perkongsian/ Sendirian Berhad

Nama Pekongsi	No. K/Pengenalan	% Kongsian

(Sila guna kertas berasingan jika tidak mencukupi)

6. PENYATA KEWANGAN BAGI 3 BULAN TERAKHIR
(Berdasarkan kepada bulan tarikh Sebut Harga dikeluarkan)

Baki Akaun Bank (September 2022) : _____

Baki Akaun Bank (Ogos 2022) : _____

Baki Akaun Bank (Julai 2022) : _____

Nilai Aset Semasa : _____

Nilai Liabiliti Semasa : _____

**** PENYEBUT HARGA WAJIB** menyertakan **PENYATA KEWANGAN YANG DISAHKAN OLEH PIHAK BANK**. Kegagalan menyertakan borang berkenaan akan menyebabkan Sebut Harga tidak akan dipertimbangkan.

SURAT AKUAN PENYEBUT HARGA

Kepada :

Urusetia Perolehan,
Bahagian Khidmat Pengurusan,
Pejabat Daerah dan Tanah Sabak Bernam,
Kompleks Pejabat Daerah Sabak Bernam,
45300 SUNGAI BESAR, SELANGOR

Tuan,

NOMBOR SEBUTHARGA : SH 42/2022

SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa Syarikat _____
_____ mengambil bahagian dalam Sebut
Harga Perolehan Bekalan Papan Tanda Bagi Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak
Bernam. Harga yang ditawarkan dalam Sebut Harga ini adalah (berjumlah
RM _____)

2. Syarikat sebagai Penyebut Harga dengan ini bersetuju menerima serta mematuhi dan terikat dengan syarat-syarat Sebut Harga dan spesifikasi yang terkandung dalam dokumen Sebut Harga. Syarikat juga telah memahami bahawa PDTSB berhak menerima atau menolak tawaran ini, sama ada harga yang ditawarkan rendah atau tinggi atau sama dengan harga tawaran-tawaran lain.

3. Syarikat bersetuju bahawa harga Sebut Harga yang ditawarkan ini laku (*valid*) selama sembilan puluh (90) hari daripada tarikh tutup Sebut Harga. Dalam tempoh tersebut syarikat tidak boleh menarik diri daripada Sebut Harga ini dan meminda harga.

4. Selanjutnya sekiranya Sebut Harga syarikat ini diterima, syarikat akan memberi cagaran keselamatan dalam tempoh empat belas (14) hari daripada tarikh terima surat tawaran daripada PDTSB. Syarikat bersetuju harga yang ditawarkan sebagai asas perkiraan bagi pembayaran di atas pembekalan yang dibuat kepada PDTSB setelah pembekalan tersebut disahkan oleh unit yang bertanggungjawab di PDTSB.

5. Kami yang bertandatangan di bawah ini, setelah menyemak, adalah dengan ini mengesahkan bahawa dokumen Sebut Harga yang digunakan untuk Sebut harga ini adalah yang sebenarnya dibeli oleh syarikat ini.

(Tandatangan orang yang diberi kuasa)

Nama :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

Nama Saksi :

No. Kad Pengenalan :

Jawatan :

Alamat :

JADUAL TAWARAN HARGA (SH 42/2022)
SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA BAGI
PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BIL.	PERKARA/ITEM	HARGA/UNIT	BIL	JUMLAH HARGA
1.	Papan Notis Besi		50 Unit	
2.	Papan Notis Kayu		100 Unit	
			Jumlah harga	

Tempoh serahan bekalan :

Nota:

Saya mengaku maklumat yang diberikan adalah benar.

.....

Nama :

Cop syarikat :

SH 42/2022

**SEBUT HARGA PEROLEHAN BEKALAN PAPAN TANDA
BAGI PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM
JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**

SPESIFIKASI						
BIL.	KETERANGAN	SPESIFIKASI PEMATUHAN		KUANTITI	HARGA SEUNIT	HARGA (RM)
		YA	TIDAK			
1.	<p>Papan Notis Besi/Barang Setara</p> <p>Papan Notis hendaklah diperbuat daripada kepingan logam aluminuim composite panel dan ditulis berwarna putih serta berlatar belakang warna merah seperti contoh di Lampiran I. Spesifikasi terperinci adalah seperti berikut :-</p>			50 Unit		
	i. Bahan : Besi					
	ii. Ukuran : Lebar – 4 kaki Tinggi – 3 kaki					
	iii. Tiang Bahan : Besi Holo Bulat Warna : Hitam Ukuran: ukur lilit tiang 2 inci					
2.	<p>Papan Notis Kayu/Barang Setara</p> <p>Papan Notis hendaklah diperbuat daripada kepingan kayu/papan seperti contoh di Lampiran J. Spesifikasi terperinci adalah seperti berikut :-</p>			100 Unit		
	i. Bahan : Papan/Kayu					
	ii. Ukuran : Lebar – 1 kaki Tinggi – 1 kaki 2 inci Tebal papan – 6mm					
	iii. Tiang Bahan : Kayu Ukuran : Ukur lilit tiang 1 inci x 1inci					
	JUMLAH KESELURUHAN					

JADUAL PENGALAMAN KERJA PEMBEKALAN


BIL.	NAMA/JENIS KONTRAK	NAMA DAN ALAMAT PENUH JABATAN/INSTITUSI	HARGA KONTRAK (RM)	TEMPOH KONTRAK	
				MULA	TAMAT

***Sila sertakan bersama Salinan Surat Setuju Terima/Pengesahan Prestasi Pembekal di Lain-lain agensi (Jika ada)**


***Sila guna helaian berasingan sekiranya tidak mencukupi**

***Sila nyatakan pengalaman 3 tahun terakhir sahaja**

PAPAN NOTIS BESI



MATERIAL : BESI





TANAH MILIK KERAJAAN

MANA-MANA ORANG YANG TANPA KEBENARAN YANG SAH MENCEROBOH TANAH KERAJAAN AKAN DIDAKWA DI BAWAH SEKSYEN 425(1)(a), (b) & (c) KANUN TANAH NEGARA 1965 DAN BOLEH JIKA DISABITKAN KESALAHAN DIKENAKAN DENDA YANG TIDAK MELEBIHI RM500,000.00 ATAU DIPENJARAKAN TIDAK LEBIH 5 TAHUN ATAU KEDUA-DUANYA SEKALI

ARAHAN:

PENTADBIR TANAH SABAK BERNAM

PAPAN NOTIS KAYU



MATERIAL : KAYU